

06 AUG 2001

Mahathir-TLDM

PERDANA MENTERI LAWAT PANGKALAN TLDM DI LUMUT

IPOH, 6 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali tiba di Lumut hari ini untuk lawatan ke pangkalan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM).

Rombongan Perdana Menteri yang tiba dari Ipoh dengan helikopter Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) pada pukul 9.35 pagi, disambut Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak, Panglima Angkatan Tentera (ATM) Jeneral Tan Sri Mohamed Zahidi Zainuddin, Panglima TLDM Laksamana Tan Sri Abu Bakar Abdul Jamal dan beberapa pegawai tertinggi TLDM.

Ketibaan Dr Mahathir dan rombongan di Ipoh sebelum itu disambut Menteri Besar Perak Datuk Seri Mohamed Tajol Rosli Ghazali.

Sejurus ketibaan beliau di Markas Armada, beliau memeriksa kawalan kehormatan utama beserta panji-panji KD Malaya sebelum menghadiri taklimat operasi di situ.

Semasa lawatan ini, Dr Mahathir juga akan merasmikan Hospital Angkatan Tentera Lumut yang menelan kos RM63.35 juta dan boleh menampung keperluan 35,000 warga ATM, pesara tentera dan staf awam Kementerian Pertahanan serta keluarga mereka.

Hospital itu siap dibina pada tahun 1995 dan mula beroperasi pada 1 Jan 1996. Terdapat lapan buah wad dengan sejumlah 164 katil.

Dr Mahathir juga dijadual melawat kapal KD Jebat dan kemudian menyaksikan upacara penyerahan kapal latihan M/V Fajar Samudera kepada TLDM.

Kapal itu disewa oleh TLDM dari Syarikat Pelangi Shipping Sdn Bhd untuk tempoh 10 tahun dengan harga sewa RM8.79 juta setahun.

Ia mempunyai kapasiti untuk sekurang-kurangnya 50 kakitangan dan jurulatih serta 300 pelatih dan mampu berada di laut selama 21 hari.

Pada sebelah petangnya, Dr Mahathir akan mengadakan perjumpaan dengan warga TLDM dan diikuti dengan lawatan ke syarikat pembinaan kapal, PSC-Naval Dockyard.

Semasa di PSC-Naval Dockyard, Dr Mahathir akan melawat pameran senjata dan kapal selam.

Dr Siti Hasmah pula mempunyai atur cara berasingan, menghadiri majlis anjuran Badan Kebajikan dan Keluarga Angkatan Tentera (Bakat) di Wisma Samudera.

-- BERNAMA

AR KAY RON